



### Aktiviti 4.3

Baca petikan kata-kata Saidina Abu Bakar al-Siddiq ketika beliau dilantik menggantikan kepemimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Nyatakan nilai keperibadian mulia yang ada pada Saidina Abu Bakar al-Siddiq.

*“Wahai sekalian umat! Aku telah dipilih menjadi pemimpin kamu padahal aku ini bukanlah orang terbaik antara kamu. Sebab itu jika pemerintahanku baik, maka sokonglah, tetapi jika tiada baik maka perbaikilah. Orang yang lemah antara kamu adalah kuat di sisiku sehingga aku menolongnya mendapatkan haknya, sedang orang yang kuat antara kamu adalah lemah di sisiku sehingga aku harus mengambil hak orang lain yang berada di sisinya, untuk dikembalikan kepada yang berhak semula. Patuhilah kepadaku sehingga aku patuh kepada Allah dan Rasul-Nya. Akan tetapi jika aku menderhakai Allah maka kamu sekalian tak harus patuh kepadaku.*

*Aku dipilih untuk memimpin urusan ini padahal aku enggan menerimanya. Demi Allah aku ingin benar kalau ada antara kamu orang yang cekap untuk urusan ini. Ketahuilah jika kamu meminta kepadaku agar aku berbuat sebagai yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., sungguh aku tidak dapat memperkenankannya, Rasulullah adalah seorang hamba Allah yang dapat kurnia wahyu daripada Tuhan, kerana itu Baginda terpelihara daripada kesalahan-kesalahan sedang aku ini hanyalah manusia biasa yang tidak ada kelebihannya daripada seorangpun juga antara kamu”.*

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

